

'Langkah London jauh sangat'

BH - 7/11/2023 - m/s: 2

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan khabar angin berhubung 'Langkah London' yang dirancang bagi menjatuhkan Kerajaan Perpaduan, sebagai perancangan yang terlalu 'jauh'.

Secara sinis, beliau berkata, langkah seumpama itu jika ada, sepatutnya dilakukan di dalam negara sahaja.

"Langkah London' jauh sangat.

Patut murah lagi dibuat di 'Langkah Kajang'," katanya sambil tersenyum ketika ditanya wartawan mengenai perkara itu.

Terdahulu, beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Bukit Aman.

Sebelum ini, portal berita melaporkan penafian Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, terhadap dakwaan dikaitkan dengan gerakan cubaan

menjatuhkan Kerajaan Perpaduan membabitkan beberapa pemimpin politik, termasuk daripada UMNO dan pemimpin parti pembangkang.

Pemimpin berkenaan dikatakan mengadakan pertemuan rahsia di London, baru-baru ini.

Ismail Sabri dilaporkan mendakwa beliau menjadi mangsa fitnah, apabila dikaitkan dengan 'Langkah London'.